

**BATIK JAWA SERTA MENGAPLIKASIKANNYA
DALAM FESYEN KONTEMPORARI**

**NORFAZILAWATI BINTI ABDUL WAHAB
99121112**

**IJAZAH SARJANA MUDA SENIREKA FESYEN
FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM**

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim....

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana telah berjaya menyempurnakan tugas tesis yang telah diamanahkan kepada saya. Lantaran itu, terhasillah tesis yang saya namakan “**mengaplikasikan batik jawa dalam fesyen kontemporari**” Pelbagai rintangan dan dugaan telah saya tempuhi sepanjang menyiapkan tesis ini dan terdapat beberapa individu telah tampil memberi pertolongan kepada saya. Serba sedikit pertolongan mereka telah berjaya meringankan lagi beban saya dalam menyempurnakan tugas saya ini. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada individu terbabit.

Pertama sekali jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat ibu-bapa saya yang telah memberi semangat di samping memperuntukkan perbelanjaan yang diperlukan sepanjang tesis dibuat. Tidak lupa juga kepada individu yang penting di dalam menyempurnakan tesis saya ini, Puan Zainah iaitu pensyarah penasihat saya, tanpa nasihat dan cadangan bernas beliau saya pasti tidak dapat menyiapkan tugas saya sebaik ini. Jutaan terima kasih tidak terhingga saya ucapkan kepada Puan Zainah. Selain itu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seorang yang tak kurang penting di dalam tugas ini, yang juga telah banyak membantu di dalam suka duka dan susah senang , terima kasih buat seseorang yang bernama Azrulizam bin Abu Bakar. Terima kasih tidak terhingga juga ditujukan kepada En. Dadang dari Kedutaan Indonesia yang telah banyak membantu dalam menjawab segala

SINOPSIS

Batik dikatakan begitu sinonim dikaitkan sebagai salah satu daripada hasil kraftangan yang sangat dipelihara sehingga kini. Tempat asal pembuatan batik adalah di Pulau Jawa tetapi kini ianya telah tersebar luas ke beberapa buah kepulauan dan tidak ketinggalan juga di Malaysia.

Di Malaysia pengaruh terhadap penggunaan batik dipengaruhi oleh 2 jenis batik iaitu batik djawa dan batik tempatan iaitu batik dari Kelantan dan Terengganu tetapi pengaruh terhadap batik tempatan lebih meluas penggunaannya jika dibandingkan dengan batik jawa.

Oleh yang demikian saya telah cuba untuk mengetengahkan rekaan yang menggunakan batik jawa tidak kira dari segi penggunaan fabrik ataupun coraknya bagi menarik perhatian penggemar-penggemar batik untuk mengadaptasikannya ke dalam pakaian.

Bagi mendapatkan pendedahan yang lebih lanjut terhadap seni batik saya telah membuat rujukan di beberapa tempat seperti di Muzium Kraftangan, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan UiTM, Kedutaan Indonesia dan sebagainya. Selain daripada itu saya juga telah menggunakan sumber daripada temuramah secara rambang kepada individu-individu tertentu. Setelah selesai semua aktiviti pengumpulan maklumat saya mengkaji setiap bahan dan rujukan yang ada.

ISI KANDUNGAN

PERKARA

Halaman Tajuk.....i

Halaman Pemeriksa.....ii

Penghargaan..... iii-iv

Objektif.....v

Sinopsis.....vi-viii

Daftar Gambar.....ix-xi

Jadual Isi Kandungan.....xii-xv

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Sejarah Kelahiran Batik.....1-2

1.2 Definasi Batik.....3-4

1.3 Definasi Fesyen.....4

1.4 Definasi Kontemporari.....5

1.5 Definasi Mengaplikasikan.....5

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Sejarah Kelahiran Batik

Sejarah kelahiran Batik merupakan satu peristiwa misteri yang masih belum dapat disingkap. Ianya masih samar-samar dalam pandangan ahli pengkaji sejarah. Ada beberapa pendapat mengatakan bahawa batik berasal dari India. Masyarakat Hindu-Buddha memainkan peranan yang penting dalam mencipta sejarah kelahiran batik ke dalam pengaruh serta perkembangannya ke beberapa buah kepulauan di Asia. Sejarah perkembangan ini terbentuk melalui aktiviti perdagangan yang dijalankan diantara India dan Selatan –Tenggara Asia.

Ada juga pendapat yang mengatakan ianya berasal dari Parsi. Ahli pengkaji Arkeologi ketika cuba menyingkap mengenai hasil sejarah telah menemui cebisan kain yang berupa batik di Mesir, ianya lebih menyerupai wayang kulit. Seorang pengkaji, Pliny The Elder telah merumuskan bahawa masyarakat di Mesir menghiasi pakaian mereka dengan menggunakan teknik yang lebih menyerupai batik pada tahun 70 Masehi lagi.

Namun pengkaji mempercayai ianya berasal dari kepulauan Melayu kerana terdapat pemikiran di antara Asia Tenggara dan India yang telah membawa batik menjelajah ke benua lain. Ada juga kemungkinan seni batik tiba di Mesir dari kepulauan Melayu melalui India